



# PROJEK PENAMBAHAN BANGUNAN SEKOLAH

DISEDIAKAN OLEH  
**PERTUBUHAN PENDIDIKAN DAR AL-HIKMAH**

NO. PENDAFTARAN  
**PPM-001-10-01082023**

ALAMAT  
**PT 389, JALAN 3, TAMAN AMPANG UTAMA,  
68000 AMPANG, SELANGOR**

NO. TELEFON PEGAWAI  
**019-2303123 (PUAN JAMILAH)**

# RUMUSAN EKSEKUTIF

## PENGENALAN

Maahad Tahfiz Integrasi Dar Al-Hikmah (MTIDH) Ampang telah ditubuhkan pada tahun 2000 sebagai pusat tarbiyah dengan model pendidikan yang bersepadu iaitu bagi mewujudkan generasi yang mempunyai kecintaan kepada ilmu, penghayatan al-Quran dan as-Sunnah. Buat masa kini Maahad ini adalah di bawah naungan Pertubuhan Pendidikan Dar Al- Hikmah, di bawah entiti dakwah dan pendidikan. Dari asal penubuhan MTIDH, ia bukanlah untuk suatu yang bersifat komersial tetapi adalah untuk melahirkan generasi yang mampu berperanan dalam masyarakat dengan mengajak kepada kebaikan, mencegah dari kemungkaran, satu perjuangan suci yang berkait rapat dengan konsep jihad fi sabiliLlah atau dari segi matlamatnya ialah untuk mencari keredaan Allah S.W.T.

## TUJUAN

- Menyediakan bimbingan yang dapat melahirkan golongan hafiz al-Quran
- Memberi penumpuan kepada pemahaman al-Quran dan as-Sunnah
- Mengemukakan ilmu dalam konteks yang bersepadu
- Memberi penekanan kepada pembinaan sahsiah dan pembentukan akhlak
- Melatih ke arah penguasaan tiga Bahasa iaitu Melayu, Arab dan Inggeris.

## KOS PEMBINAAN

Terkini, sekolah ini mempunyai lebih kurang 110 pelajar iaitu dari tahap rendah hingga ke tingkatan lima, dengan tenaga pengajar seramai 23 orang. Sekolah ini bertempat di sebuah banglo yang disewa sejak kewujudannya. Pada tahun 2003, Alhamdulillah pihak sekolah telah berjaya membeli sebidang tanah berhampiran iaitu di Lot PT. 507 di mukim Ampang, di kawasan yang sama dan sedang berusaha untuk membina bangunan sendiri. Untuk mencapai hasrat ini, kami menganggarkan sebanyak **RM 2,735,000.00** diperlukan bagi menampung kos pembinaan bangunan baru ini. Sumbangan boleh disalurkan terus ke akaun Bank RHB atas nama **PERTUBUHAN PENDIDIKAN DAR AL HIKMAH**, No. akaun **2-62278-0003149-6**.

# ANGGARAN PEMBELANJAAN

KABIN

TANDAS

BUMBUNG

KORIDOR

TANGGA

STRUKTUR DEKORASI

**RM 1,800,000.00**

SLAB COLUMN

**RM 935,000.00**

JUMLAH KESELURUHAN

**RM 2,735,000.00**


# TAPAK PROJEK TAHFIZ / PENGAJIAN





Keluasan tanah: **6175 Kaki Persegi**

PT507,  
Batu 4 1/2, Jalan Ampang,  
Mukim Ampang Hulu Langat,  
Selangor

LD.  
KAWASAN D.I.O. AMPANG  
MUKIM AMPANG  
Ukuran 2 rantaian sejinci  
Sheet 086-B







**Pusat pengajian ini terdiri daripada 2 bangunan 3 tingkat dan di dalamnya mempunyai:**

- 18 unit kelas berkeluasan 20x20ft setiap satu
- 4 unit kelas berkeluasan 10x20ft setiap satu
- Boleh memuatkan anggaran seramai 500 orang pelajar termasuk guru
- Tandas di tingkat 1 dan 2 setiap bangunan
- Dewan terbuka keluasan 30x20ft untuk perhimpunan dan lain-lain aktiviti
- Surau
- Dan ruangan kafeteria/kantin



**PANDANGAN DARI SUDUT KANAN**

Bangunan kanan mempunyai tangga 3 tingkat, dilengkapi dengan satu tandas di tingkat 2 dan satu tandas di tingkat bawah. Tingkat bawah mempunyai ruang berkumpul terbuka bersaiz 30 x 20 kaki. Unit kelas untuk tingkat 1,2 dan 3.

Bangunan kiri mempunyai tangga 3 tingkat di belakang dan dilengkapi dengan satu tandas di tingkat 2 dan satu tandas di tingkat bawah. Unit kelas untuk tingkat 1,2 dan 3.



**PANDANGAN DARI SUDUT KIRI**

## **PANDANGAN ATAS UNTUK KELAS TINGKAT TIGA**

Tingkat tiga bangunan kanan dan kiri masing-masing mempunyai 4 kelas bersaiz  $20 \times 20$  kaki dan setiap kelas dilengkapi dengan dua pintu, empat tingkap, 4 lampu dan dua kipas. Juga dilengkapi dengan satu tandas di tingkat 2 dan satu tandas di tingkat bawah.



## **PANDANGAN ATAS UNTUK KELAS TINGKAT DUA**

Tingkat dua bangunan kanan dan kiri masing-masing mempunyai 3 kelas bersaiz  $20 \times 20$  kaki dan 1 kelas bersaiz  $10 \times 20$  kaki. Setiap kelas dilengkapi dengan dua pintu, empat tingkap, 4 lampu dan dua kipas. Di tingkat dua juga dilengkapi dengan satu tandas bagi setiap bangunan.



## PANDANGAN ATAS KELAS TINGKAT BAWAH

Tingkat bawah bangunan kiri mempunyai 3 kelas bersaiz 20x20 kaki dan 1 kelas bersaiz 10 x20 kaki. Manakala bahagian kanan mempunyai 1 kelas bersaiz 20x20 ft dan 1 kelas bersaiz 10x10 kaki. Setiap kelas size 20x20 dilengkapi dengan dua pintu, empat tingkap, 4 lampu dan dua kipas. Di tingkat bawah juga dilengkapi dengan satu tandas bagi setiap bangunan